

KAJIAN PERKEMBANGAN PERMULAAN GELANG OTOLIT  
IKAN LAUT CHINA SELATAN (*Lates Calcarifer*)

YUSOF BIN MAMAT

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA  
SERDANG, SELANGOR  
1987/88





Buat .....

Ibubapa dan keluarga yang tak diberitahu apa-apa,  
juga pada si dia yang banyak memberi dorongan.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.

Bersyukur kehadiran Allah subhanahuwataala, kerana dengan keizinan dan rahmatNya dapat saya menyiapkan kertas projek tahun akhir ini.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih ingin saya rakamkan kepada Encik Liew Hock Chark, pensyarah di Fakulti Perikanan dan Sains Samudra, Universiti Pertanian Malaysia, Mengabang Telipot, Kuala Terengganu selaku penyelia projek yang telah banyak memberi tunjukajar dan teguran yang membina dalam menyiapkan projek ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Encik Hussin bin Mat Ali, Ketua Pusat Penetasan Ikan Siakap, Tanjong Demong, Terengganu, yang menyumbangkan larva-larva ikan siakap untuk kajian ini.

Tak lupa juga kepada semua pembantu makmal Universiti Pertanian Malaysia cawangan Terengganu dan kawan-kawan seperjuangan yang turut membantu dalam apa bentuk samada secara langsung atau tidak langsung semasa menjayakan projek ini.

Semoga jasa baik anda semua Allah saja yang membalasnya. Amin.

Yusof bin Mamat.

Mengabang Telipot,

Terengganu

23hb. Oktober 1987.

## ABSTRAK

Larva ikan siakap yang berumur satu hari dari Pusat Penetasan Ikan Siakap Tanjung Demong, Terengganu, dipelihara di Pusat Penetasan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu. Perkembangan larva dan otolitnya diperiksa pada tiap-tiap hari sehingga larva berumur 16 hari. Julat saiz spesies yang dikaji ialah antara 1.83 hingga 8.33 mm. Semasa ditetaskan, panjang keseluruhan larva adalah 1.79 mm dengan diameter otolit 13.76  $\mu\text{m}$ . Gelang otolit pertama terbentuk bila larva berumur lebih kurang 1.5 hari dimana saiz larva berukuran 1.98 mm. Kadar pembentukan gelang otolit ialah 0.91 gelang sehari. Kadar ini didapati tinggi dan boleh membuktikan fenomena pembentukan satu gelang satu hari benar-benar berlaku. Selain daripada bilangan gelang otolit, saiz larva dan diameter otolit boleh juga digunakan untuk menentukan umur ikan. Pekali korelasi yang menghubungkan parameter-parameter di atas adalah tinggi.

## ABSTRACT

Seabass larvae at the age of one day were taken from the Tanjong Demong hatchery, Terengganu, and reared at the University Pertanian Malaysia, Terengganu. The growth of the larvae and their otolith were examined daily for 16 days. Size range of the species examined is 1.83 - 8.33 mm. After hatching, examined larval length was 1.79 mm with an otolith diameter of 13.76  $\mu$ m. The first otolith ring was formed at the age of 1.5 day with the total length of 1.98 mm. The rate of ring formation was 0.91 ring per day. The number of rings, size of larvae and diameter of otolith can be used to estimate the age of fish because good correlation were obtained between them.